

PM serah sumbangan mangsa banjir di Hulu Langat, Ampang

HULU LANGAT 25 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyampaikan sumbangan wang tunai kira-kira RM7 juta kepada 3,578 mangsa banjir yang melanda Hulu Langat dan Ampang awal bulan ini.

Perdana Menteri berkata, sumbangan wang tunai bernilai RM1,000 kepada setiap penerima tersebut merangkumi RM500 daripada Majlis Keselamatan Negara dan RM500 lagi daripada Yayasan IMalaysia Development Bhd. (IMDB).

Kata beliau, selain bantuan wang tunai, Yayasan IMDB turut memberikan sumbangan terkumpul berjumlah RM2.5 juta untuk membaiki 100 buah rumah yang rosak dan bagi mengganti peralatan masjid serta surau yang terjejas akibat banjir berkenaan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan turut meluluskan peruntukan RM7.5 juta bagi usaha penyelesaian masalah banjir jangka pendek di dua kawasan tersebut seperti pembinaan jambatan laluan utama, pembetung dan pengalihan utiliti.

“Untuk penyelesaian banjir jangka panjang pula, ia memerlukan projek takungan air dan melibatkan proses pengambilalihan tanah, jadi Barisan Nasional (BN) perlu mengambil alih kerajaan negeri dulu baharu senang ambil alih tanah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan mangsa banjir Parlimen Hulu Langat dan Ampang di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Dusun Tua di sini hari ini.

Najib yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor turut menyampaikan bantuan sumbangan Kelab Putra IMalaysia berupa dua tilam serta



NAJIB Tun Razak membantu memasang batu-bata di sebuah rumah seorang mangsa banjir, Mohamed Nasarudin Maana (dua dari kanan) ketika melawat Kampung Sungai Serai, Hulu Langat, semalam.

sebuah dapur gas kepada 3,500 keluarga yang terjejas teruk.

“Saya akan meminta pemimpin UMNO dan BN kawasan menyelesaikan urusan menghantar kesemua barangan ini (tilam dan dapur gas) dalam masa tiga hari dari sekarang,” katanya.

Sebelum itu, Najib mende-

ngar taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Jabatan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, Ab. Qahar Osman berkaitan banjir di Hulu Langat dan Ampang serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk mencegah kejadian sama daripada berulang di

Kampung Sungai Serai di sini.

Beliau turut meluangkan masa melawat dan beramah-mesra dengan mangsa-mangsa banjir di sekitar kampung tersebut serta meninjau kerja-kerja membaiki kediaman penduduk yang rosak akibat kejadian pada 7 Mac lalu itu.